

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Di dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan mengenai kerangka teori, kaedah-kaedah yang digunakan, di mana pengkaji juga turut meninjau kerangka dan kaedah yang digunakan oleh pengkaji luar dan tempatan sebagai rujukan dan pedoman, huraihan kriteria informan pilihan pengkaji serta pemilihan kawasan kajian. Metodologi yang digunakan membantu pengkaji untuk memperoleh data dan input yang berkesan serta relevan dengan cakupan bidang yang sedang dikaji. Data yang diperoleh seterusnya dianalisis dan kemudiannya dihuraikan dengan mendalam di dalam bab seterusnya dalam usaha untuk memperoleh dan mempersebahkan hasil yang terbaik.

#### 3.1 Kerangka Teori

Asas kerangka teori yang dipilih dan digunakan oleh pengkaji ialah pendekatan kesinambungan dialek. J.K Chamber (penterjemahan Annuar Ayub) 1990:7 , berdasarkan kajian [yang diterjemahkan oleh Annuar Ayub itu, nya J.K Chamberbeliau](#) melihat dari aspek kesinambungan dialek dan mengambil kira kawasan-kawasan sekitarnya. Kesinambungan itu sendiri diberi pengertian sebagai dialek ini berhubung kait antara satu [sama lain oleh satu rantai saling kefahaman dialek dengan satu dialek yang lain.](#)

Pengkaji melihat kajian yang dijalankan oleh Zalina ( 2003 : 30), di mana menurut beliau pendekatan teori ini memperlihatkan bagaimana dialek-dialek dari satu-satu kawasan dalam satu negeri mempunyai beberapa subdialek. Sementara itu, menurut beliau lagi pendekatan injis mewujudkan perbezaan dalam sebutan. Kaedah analisis dalam kajian berdasarkan kepada pendekatan teori kesinambungan dialek digunakan dalam memperlihatkan kesinambungan dalam bahasa antara satu subdialek dengan subdialek yang lain dalam penyeputan. Beliau turut menggarapkan kaedah deskriptif dalam melancarkan kajian yang dilakukan.

Kajian yang dibuat oleh beliau ialah untuk melihat adanya kesinambungan dialek antara daerah Marang dan daerah Kuala Terengganu. Beliau memilih dua buah kampung bagi mewakili daerah Marang yang terletak di Mukim Rusila dan hanya sebuah kampung mewakili daerah Kuala Terengganu. Beliau menggarapkan teori ini dalam kajianya dengan memperlihatkan persamaan dan perbezaan bunyi vokal.

Melalui kajiannya beliau mendapati bahawa terdapat persamaan dan kelarasan bunyi penyeputan dalam pertuturan oleh kedua-dua buah kampung yang berlainan daerah walaupun jarak yang jauh antara satu sama lain. Sebagai contoh, akhiran bagi bunyi /-ai/, /-al/, /-an/ dalam bahasa Malaysia standard didominasikan dengan sebutan / a / pada akhirannya seperti dalam perkataan sampai menjadi / sapa /, perkataan mahal menjadi / maha / dan perkataan pulau menjadi / pula /.

Manakala perbezaan yang dikenal pasti ialah perbezaan bunyi vokal bagi pengujuran perkataan umur iaitu penggunaan vokal /ɔ/ dan / u / pada permulaan kata. Menurut beliau, kebanyakannya mereka yang terdiri daripada golongan tua gemar menyebut perkataan umur dengan bunyi / əmə /, sementara golongan muda pula mengujarkannya dengan bunyi / umə /. Di sini beliau cuba mencungkil peratusan perbezaan pengujuran antara kampung berlainan daerah dengan mengambil kira golongan tua dan golongan muda sebagai sampel kajian.

Zalina menjelaskan bahawa Walau bagaimanapun, semasa proses pengambilan dan pengumpulan data kedua-dua kampung di Mukim Rusila , daerah Marang terpaksa digabungkan kerana menurut beliau data yang diperolehi menunjukkan banyak persamaan dan kelarasan bunyi penyebutan antara kedua-dua buah kampung tersebut.  
Dengan ini pengkaji dapat katakan bahawa terdapat banyak persamaan terhadap kajian yang dijalankan di dalam mukim yang sama walaupun berlainan kampung.

Sehubungan dengan itu, pengkaji berminat untuk menjalankan kajian di mukim yang sama dengan melibatkan dua buah kampung dengan tujuan untuk melihat sama ada terdapatnya perbezaan pengujuran, atau hanya ada persamaan sahaja.

Justeru itu, pendekatan-teori kesinambungan dialek ini turut digunakan pakai oleh pengkaji sebagai panduan dan pedoman dalam usaha untuk menyiapkan seterusnya menjadikan kajian ilmiah ini sebagai panduan kepada pengkaji-pengkaji lain yang ingin membuat kajian mengenai dua subdialek di mukim yang sama.

### **3.2 Kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji**

Setelah meneliti kaedah yang dijalankan oleh pengkaji luar dan tempatan yang bersesuaian dengan kajian mengenai dialek Setelah disesuaikan dengan kajian yang sedang dijalankan oleh pengkaji pengkaji pengkaji telahakhirnya memilih kaedah temu bual dan pemerhatian agar data yang diperolehi mampu memberikan hasil dapatan yang terbaik.

Pendekatan kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah kajian sinkronis iaitu berdasarkan data semasa yang diperolehi dalam cakupan waktu tertentu. Menurut Lutfi Abas ( 1972 : 2 ) menerusi karyanya yang bertajuk ' Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu' menyatakan bahawa kajian sinkronis ialah mempelajari satu bahasa pada satu waktu tertentu dan ia mengarahkan kepada linguistik deskriptif dalam bidang fonologi dan leksikal.

ManakalaSementara kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji bagi merealisasikan kertas kerja ini ialah kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Melalui kajian perpustakaan, pengkaji merujuk buku-buku, jurnal, dan kertas kerja tertentu yang berkaitan dengan penyelidikan pengkaji. Bahan-bahan tersebut diperolehi melalui sumber-sumber seperti Perpustakaan Utama, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Perpustakaan Fakulti Pendidikan, Perpustakaan Akademik Pengajian Melayu dan Perpustakaan Negara.

Selain kaedah perpustakaan, kajian ini turut menggunakan kaedah kajian lapangan di mana analisis data dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif. Analisis data secara kuantitatif melibatkan peratusan peralihan bunyi yang dihubungkaitkan dengan kategori umur, pendidikan dan taraf ekonomi. Kajian lapangan melibatkan temu bual dengan penutur jati dialek Terengganu di antara penduduk kampung Surau Panjang dan kampung Atas Tol iaitu seramai 18 orang

informan. Pengkaji telah menggunakan metod ini untuk memperolehi data berdasarkan perbualan informan secara langsung dengan pengkaji.

Melalui kaedah ini, pengkaji telah menggunakan dua strategi yang berlainan di mana pengkaji telah bersedia dengan soalan-soalan yang akan dikemukakan, iaitu dengan menyediakan barisan leksikal-leksikal yang akan dituturkan dan disebut oleh informan-informan manakala strategi lain ialah pengkaji menggunakan soalan bebas di mana soalannya tidak terikat dan agak terbuka.

Pengkaji menggunakan metod menemu bual ini secara terang dan tersembunyi. Secara terang bermaksud memaklumkan terlebih dahulu kepada informan-informan yang terlibat agar mereka tidak merasa terkejut, kekok, malu dan tidak bersedia. Sementara secara tersembunyi pula tidak memaklumkan terlebih dahulu kepada informan untuk menjalankan temu bual dengan harapan agar informan-informan lebih terbuka dan selesa ketika bertutur dan berbual dengan pengkaji dan penduduk kampung yang lain.

Pengkaji terpaksa melakukan teknik temu bual secara tersembunyi kerana dikhawatirkan informan akan terpengaruh dengan gaya percakapan bahasa Malaysia

standard. Pengkaji juga menggunakan pendekatan tidak langsung dengan mengambil kira kaedah pemerhatian di beberapa situasi seperti sewaktu terdapatnya sesuatu keramaian atau kenduri, iaitu sewaktu penduduk kampung bergotong-royong menyediakan lauk-pauk. Sewaktu temu bual dan kaedah pemerhatian dijalankan pengkaji akan membuat rakaman dan catatan, seterusnya membuat transkripsi sekembalinya dari tempat tersebut. Hanya rakaman yang jelas dipilih untuk ditranskripsikan oleh pengkaji.

Hasimah Hanam Murad: (1999: 56 ) dalam kajiannya menjelaskan kaedah temu bual ini digunakan oleh ahli dialektologi yang bernama William Labov di New York . Menurut Labov semasa menjalankan kajian lapangan, kaedah temu bual tidak dapat lari daripada menemu ramah informan untuk mendengar dialek yang dituturkan. Malah menurut Labov lagi tugas ini perlu dilakukan oleh pengkaji dialek itu sendiri. Kaedah ini memerlukan pemerhatian yang lebih jitu sebelum memulakannya.

Namun begitu kaedah temu bual ini bukan sahaja diguna pakai oleh ahli dialektologi barat malah pengkaji -pengkaji dialek tempatan juga turut menggarapkan kaedah tersebut dalam memperolehi data yang berkesan. Misalnya Zalina Mohd Zalzali (2003) dalam kajiannya mengenai dialek Terengganu di sepanjang pantai Mukim Rusila turut menggunakan kaedah ini di mana ia dijalankan secara terang dan tersembunyi.

Hasimah Hanam Murad: (1999: 56 ) menjelaskan lagi ketika menjalankan kaedah temu bual, William Labov sangat menitikberatkan pemilihan informan atau respondan. Baginya, respondan dipilih perlulah yang dapat memberikan kerjasama yang

sewajarnya. Jika respondan tidak mahu memberikan kerjasama maka ia perlu dikecualikan. Bagi beliau, soalan yang dikemukakan kepada respondan perlulah bersahaja dan yang melibatkan soal harian bukan asing bagi mereka. Ini akan membolehkan mereka bertutur menggunakan dialek yang betul.

Merujuk kepada apa yang diutarakan oleh Wiliam berkaitan dengan pemilihan informan atau respondan, pengkaji juga turut menitikberatkan hal pemilihan tersebut di mana informan atau respondan pilihan pengkaji adalah difokuskan kepada golongan tua atau warga emas , golongan dewasa dan golongan muda. Namun begitu, fokus perbualan pengkaji lebih kepada golongan tua atau warga emas, kerana dialek mereka adalah lebih asli berbanding dengan golongan dewasa dan golongan muda .

Ini kerana golongan ini jarang sekali keluar dari kampung asal mereka. Manakala golongan dewasa dan muda pula, dialek banyak dipengaruhi ketika berada di sekolah, persekitaran yang memungkinkan mereka mengubah penggunaan dialek kepada Bahasa Malaysia Standard. Sementara topik perbualan pula lebih menitikberatkan kepada aspek kehidupan mereka sehari-hari, permainan tradisional, pekerjaan , dan sebagainya.

### **3.2.1 Pemilihan Informan**

Informan dalam kajian ini adalah terdiri daripada 18 orang iaitu penduduk di kedua-dua buah kampung. Ciri-ciri utama yang diambil kira ialah berdasarkan umur, jantina, latar belakang pendidikan, dan latar sosio budaya dan ekonomi. Pemilihan kriteria-kriteria ini dibuat dengan mengambil kira saranan dan pilihan yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu bagi mendapatkan dan memperolehi data yang boleh

dianalisis dan diuraikan dengan berkesan. Sebelum memilih dan menentukan seseorang informan, pengkaji terlebih dahulu melakukan tinjauan dan pemerhatian awal terhadap penduduk di kedua-dua buah kampung. Pengkaji juga mendapat bantuan dan sokongan golongan tertentu seperti penghulu, ketua kampung, dan mereka yang mempunyai pengaruh seperti ahli perniagaan, dan imam bagi menentukan pemilihan informan yang tepat. Di bawah ini pengkaji akan menghuraikan dengan lebih terperinci kriteria-kriteria utama informan pilihan pengkaji.

i) **Umur**

Pengkaji memilih informan yang terdiri daripada pelbagai kategori umur. Tiga kategori umur utama yang dipilih ialah ;

- a) Kategori umur muda iaitu informan yang berada dalam lingkungan umur antara 20-35 tahun.
- b) Kategori umur dewasa iaitu informan yang berada dalam lingkungan umur 36 hingga 50 tahun dimasukkan dalam kategori ini.
- c) Kategori umur tua iaitu informan yang terdiri daripada mereka yang berusia 51 hingga 75 tahun. Walaupun berumur 75 tahun, namun pertuturan mereka jelas kedengaran tanpa adanya gangguan fisiologi mulut.

Dalam setiap kategori, hanya 6 orang informan dipilih bagi mewakili kedua-dua buah kampung. Pengkaji memilih kepelbagaian peringkat kategori umur untuk melihat dan meneliti kategori umur manakah yang menjurus kepada pergaulan sosial yang meluas yang akhirnya membawa mereka kepada peralihan bunyi leksikon dialek asal yang dituturkan oleh penduduk kampung mereka.

- ii) **Gender** – Dalam pemilihan informan, pengkaji juga turut mementingkan pemilihan gender.

Pengkaji memilih informan yang terdiri daripada kedua-dua jantina bagi ketiga-tiga kategori umur di atas. ( Jadual 3.1 dan jadual 3.2 ) memperlihatkan kepadatan penduduk di kedua-dua kampung berdasarkan ras dan gender. Informan-informan yang dipilih sentiasa berada tetap di kampung dan bukannya mereka yang selalu keluar dari kampung halaman mereka untuk pelbagai tujuan.

**Jadual 3.1 : Kepadatan penduduk kampung Surau Panjang berdasarkan ras dan gender**

Bangsa	Jantina		Ketua Isi Rumah
	Lelaki	Perempuan	
Melayu	844	956	350
Jumlah Besar	1800		350

Sumber : Pejabat Daerah Kuala Terengganu (Fail Jawatankuasa Kerja Kampung), 2007

**Jadual 3.2 : Kepadatan penduduk kampung Atas Tol berdasarkan ras dan gender**

Bangsa	Jantina		Ketua Isi Rumah
	Lelaki	Perempuan	
Melayu	2,540	2,588	714
Cina	1	1	1
Jumlah	2,541	2,589	715
Jumlah Besar	5130		715

Sumber : Pejabat Daerah Kuala Terengganu (Fail Jawatankuasa Kerja Kampung ), 2007

iii) **Taraf pendidikan** - Pengkaji memilih informan yang terdiri daripada pelbagai taraf pendidikan, iaitu mereka yang tidak mendapat pendidikan formal, atau hanya mendapat pendidikan rendah sahaja, pendidikan sehingga sekolah menengah dan mereka yang berpendidikan tinggi. Pengkaji memilih informan dari pelbagai tingkat pendidikan untuk meninjau adakah kepelbagaian taraf pendidikan itu membolehkan mereka bergaul dengan pelbagai lapisan masyarakat dan adakah pergaulan yang luas itu mendorong mereka mengalih bunyi leksikon dialek asal kampung mereka.

Walaupun ada informan yang mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi, namun pengkaji hanya mengambil data ketika informan bertutur menggunakan dialek Terengganu seperti ketika mereka berbual mengenai perihal penduduk kampung, berkisar tentang kehidupan mereka dan sebagainya. Data tidak dikutip ketika mereka mengendalikan atau menghadiri mesyuarat, ketika memberikan ceramah kerana

dikhuatiri mereka lebih banyak menggunakan bahasa Malaysia standard berbanding dialek Terengganu.

iv) **Latar sosio-budaya dan ekonomi** - Pengkaji memilih informan-informan yang difikirkan mampu memberikan input terbaik yang terdiri daripada mereka yang mempunyai latar sosio-budaya yang sama tetapi kepelbagaiannya taraf ekonomi. Hakikatnya, penduduk di kedua-dua kampung mempunyai latar sosio budaya yang sama iaitu dilingkungi majoritinya masyarakat Melayu di mana hanya terdapat dua orang sahaja penduduk yang berbangsa Cina di kampung Atas Tol. (lihat jadual 3.1 dan jadual 3.2). Ini memudahkan pengkaji untuk memperoleh informan yang masih setia bertutur dengan dialek asal kampung mereka.

Walau bagaimanapun penduduk di kedua-dua kampung ini terdiri daripada mereka yang mempunyai taraf ekonomi yang berbeza di mana ada antaranya yang bekerja dalam bidang profesional seperti (guru, pensyarah, doktor dan sebagainya), pemandu, petani, nelayan, tukang kayu, buruh, penganggur, pesara, dan suri rumah. Pembahagian taraf ekonomi berdasarkan tiga kategori pendapatan iaitu pendapatan rendah (di bawah RM700.00), pendapatan sederhana (RM700.00 hingga RM2,000.00) dan pendapatan tinggi (RM2,000.00 dan keatas). (Sumber: kategori pendapatan penduduk Fail Jawatankuasa Kerja Kampung, Pejabat Daerah Kuala Terengganu, 2007).

Dengan pemilihan informan daripada pelbagai taraf ekonomi ini pengkaji ingin melihat adakah kepelbagaiannya taraf ekonomi ini mendedahkan mereka kepada pergaulan

yang luas yang akhirnya membawa kepada peralihan bunyi leksikon dialek asal kampung mereka.

Senarai informan boleh dilihat menerusi lampiran 1.

### **3.3 Pemilihan Kampung**

Pemilihan kampung-kampung ini iaitu kampung Surau Panjang dan kampung Atas Tol dibuat kerana penduduk di situ kebanyakannya adalah penduduk asal dan mereka masih menggunakan dialek Terengganu khususnya dialek asal kampung-kampung tersebut. Sehubungan dengan itu juga, penduduk di kedua-dua kampung ini masih lagi kaya dengan adat resam, kebudayaan dan mengamalkan tata susila kehidupan masyarakat Melayu dengan mengekalkan penggunaan bahasa yang bersopan dan sekali-sekala menggunakan bahasa kiasan untuk menterjemahkan maksud mereka.

## **BAB 4**

### **PERBANDINGAN PENGUJARAN KATA-KATA DUA SUBDIALEK TERENGGANU**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab ini membincangkan mengenai sistem vokal dan konsonan subdialek Terengganu di kampung Surau Panjang dan kampung Atas Tol di Mukim Pengadang